

Headline	Senarai Inisiatif Kerajaan Persekutuan Bagi Membantu Rakyat		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	22 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	400 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,735		



## Senarai Inisiatif Kerajaan Persekutuan Bagi Membantu Rakyat Menangani Pandemik COVID-19

### KERAJANAN MALAYSIA

#### Perintah Kawalan Pergerakan

Larangan menyeluruh pergerakan di seluruh negara, semua rumah ibadat dan premis perniagaan ditutup, kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian.

#### Jabatan Perdana Menteri

Meluluskan lebih daripada RM259 juta untuk digunakan membeli ubat-ubatan dan peralatan yang diperlukan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan salurkan sumber itu kepada 26 hospital di seluruh negara bagi menangani gelombang kedua wabak COVID-19.

#### Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri

Bayaran RM600 sebulan terus ke akaun pekerja swasta untuk bantuan cuti tanpa gaji.

Majikan akan menerima bayaran dari PERKESO dan wajib mengkreditkan RM600 tersebut ke dalam akaun pekerja mereka dalam tempoh 7 hari. Pekerja tak perlu mohon!

#### Kementerian Dalam Negeri

Pihak polis menggerakkan anggota mereka untuk mengawal keadaan dengan mengadakan sekatan-sekatan jalur raya.

Setakat 18 Mac lalu, sebanyak 504 sekatan sudah pun dilaksanakan dan

6,135 kendaraan diperiksa di seluruh negara.

#### Kementerian Kewangan

Sejumlah RM3.5 bilion diperuntukkan di bawah Tabung Bank Negara Malaysia dalam Paket Rangsangan Ekonomi 2020.

Bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meneruskan operasi perniagaan, pekerjaan selain menggalakkan pelaburan dalam negeri.

#### Kementerian Kewangan

Melanjutkan tempoh kepada orang ramai untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan selama dua bulan.

Kemudahan yang diberikan ini dapat membantu pembayar cukai meringankan kesulitan yang dihadapi akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

#### Kementerian Pengajian Tinggi

Penangguhan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) selama tiga bulan.

#### Kementerian Pengajian Tinggi

Mengaktifkan Bilik Gerakan COVID-19 di setiap institut pengajian tinggi.

Mengurus penyediaan penempatan khas, bilik isolasi, bantuan bekalan makamana serta penyediaan kemudahan kafetaria dan kedai runcit bagi mahasiswa.

#### Kementerian Sumber Manusia

Seramai 6.9 juta pekerja swasta dilindungi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO jika mereka kehilangan pekerjaan.

Manfaat SIP adalah bantuan kewangan segera, program penempatan pekerjaan, istihara dan kaunseling kerjaya.

#### Kementerian Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Menyelesaikan bantuan bulanan kepada semua penerima bantuan Jatake Bajajika Masyarakat bagi bulan April 2020.

Bantuan ini membabitkan 500,000 penerima melibatkan kos sebanyak RM150 juta.

#### Kementerian Tenaga & Sumber Asli

Diksaun bil elektrik akan diberi kepada semua pengguna bagi tempoh enam bulan bermula 1 April hingga 30 September.

Manfaat penjimatian bil elektrik berjumlah RM370 juta kepada kira-kira 1.6 juta pemegang akaun TNB.

#### Kementerian Wilayah Persekutuan

Pengecualian sewa selama sebulan kepada peniaga di premis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

500 pekerja harian DBKL akan mendapat bayaran penuh walau-pun mereka tidak bekerja sepanjang tempoh 14 hari perintah kawalan pergerakan.

#### Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA selama 3 bulan.

Penangguhan bayaran balik selama 6 bulan bagi usahawan yang menerima pembiayaan penilaian. Diskaun 30% penyewaan premis perniagaan.

#### Kementerian Luar

Mendapatkan bantuan kementerian dari China untuk membantu Malaysia mendapatkan peralatan perubatan seperti topeng muka, cecair pembasmi kuman, test kit dan lain-lain untuk kegunaan hospital dan pakar perubatan.

#### Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Memperuntuk geran sebanyak RM70,000 bagi menjalankan penjuruan genom penuh serta analisa bioinformatik untuk mengesan mutasi pada genom daripada sampel koronavirus untuk pembangunan vaksin dan antivirus.

#### Kementerian Perpaduan Negara

Pengecualian sumbangan oleh ibu bapa atau penjaga di Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan seluruh negara bagi tempoh Mac hingga Jun.

Membabitkan 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Genius Perpaduan seramai 38,827 murid.

#### Kementerian Komunikasi & Multimedia

Mendapatkan bantuan semua syarikat telekomunikasi untuk menawarkan

akses tanpa had panggilan ke Pusat Ke-siapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan.

#### Kementerian Kesihatan

Pemberian eluan khas sebanyak RM400 sebulan kepada doktor serta kakitangan perubatan sebagai tanda penghargaan kepada petugas awam barisan hadapan di dalam memerangi COVID-19.

#### Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Membenarkan import topeng muka bagi memastikan bekalan di negara ini mencukupi dan menetapkan syarikat pengilang tidak boleh meninggalkan bekalan topeng muka ke luar tanpa mendapat kelulusan kerajaan dahulu.

#### Kementerian Pembangunan Usahawan

Penangguhan pembayaran balik pinjaman sehingga enam bulan kepada semua peminjam di bawah tiga agensi iaitu Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Bank Rakyat dan SME Bank.

Sebuah kementerian juga sudah membuka talian hotline masing-masing supaya hal berkaitan kementerian dapat disampaikan terus kepada rakyat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

Masyarakat umum juga boleh merujuk kepada soalan lazim yang diseidaikan setiap kementerian.